

28 FEB 2000

MAHATHIR TIBA DI KEDAH UNTUK LAWATAN KERJA SEHARI

ALOR SETAR, 28 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas dekat sini untuk lawatan kerja sehari ke negeri ini.

Ketibaan Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali pada pukul 9.20 pagi disambut oleh Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, anggota-anggota Exco kerajaan negeri dan kira-kira 200 orang penduduk tempatan.

Setibanya di lapangan terbang itu, Perdana Menteri mengadakan pertemuan selama sejam dengan bekas-bekas anggota Dewan Undangan Negeri dan anggota Parlimen bagi seluruh negeri Kedah.

Perdana Menteri kemudiannya akan menghadiri mesyuarat Umno Bahagian Kubang Pasu di pejabat Umno bahagian itu di Jitra pada pukul 11.15 pagi.

Pada pukul 1 petang, Dr Mahathir dijadualkan menghadiri majlis makan tengah hari di Kampung Lembah Arang, Wang Tepus, Jitra.

Dr Mahathir kemudian akan melawat tapak Sekolah Kebangsaan Bukit Tinggi, Kepala Batas pada pukul 2 petang sebelum menghadiri majlis perjumpaan bersama rakyat di Dewan Kampung Hilir, Bukit Tinggi, Kepala Batas pada pukul 3.30 petang.

Perdana Menteri dijangka berlepas pulang ke ibu negara pada pukul 5 petang.

-- BERNAMA

MAN RI